

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
[ ARAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak Kementerian untuk memberikan kuasa kepada pihak SKMM untuk menyiasat serta memadam sebarang posting berbentuk penulisan, video dan gambar yang berbaur penghinaan, perkauman serta penyebaran berita palsu yang boleh menyentuh hal ehwal agama, institusi beraja dan lain-lain lagi yang dirasakan perlu di media sosial.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited di dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan ini haruslah mengambil kira kepelbagaian agama, bangsa dan budaya di dalam Negara. Kementerian berpandangan kebebasan untuk membincangkan topik secara terbuka dan berterus terang di media sosial perlu dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan pergolakan sosial atau menjejaskan keselamatan negara.

2. Dalam hal pemberian kuasa kepada pihak SKMM untuk menyekat atau memadam kandungan serta paparan di media sosial, Kerajaan masih mengkaji cadangan tersebut dan perlu mengambil kira input serta maklumbalas dari pihak-pihak yang berkepentingan, serta pertimbangan dari segi kebolehlaksanaan dan kekangan teknikal.